

MODALITI ASPEK DALAM TEKS PERUTUSAN KHAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19

Aspect Markers in the Movement Control Order Speech Text during the Covid-19 Outbreak

Muhammad Faizul Abd Hamid¹, Rozita Che Rodi², Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi³ & Muhammad Zaid Daud⁴

^{1, 2, 3} Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, 8,
Persiaran Universiti 1, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

⁴ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

¹faizulhamid@upm.edu.my; ²ita_cherodi@upm.edu.my; ³nrafidah@upm.edu.my;

⁴zaid.daud@usm.my

Diterima: 15 April 2025; **Disemak semula:** 20 Mei 2025 **Diterima:** 25 Mei 2025; Diterbitkan: 10 Jun 2025

To cite this article (APA): Abd Hamid, M. F., Che Rodi, R. ., Nik Muhammad Affendi, N. R. ., & Daud, M. Z. (2025). Modaliti Aspek dalam Teks Perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan semasa Wabak Covid-19. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(1), 1-19. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.1.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.1.2025>

ABSTRAK

Penularan wabak Covid-19 telah mendorong kerajaan Malaysia untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan melalui teks perutusan khas oleh Perdana Menteri. Dalam wacana politik sebegini, bahasa yang digunakan tidak bersifat neutral, sebaliknya berperanan sebagai alat retorik yang membentuk persepsi, memobilisasi emosi kolektif dan memperkukuh legitimasi kuasa. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis modaliti aspek yang digunakan serta menghuraikan rasional penggunaannya dalam sembilan teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan yang disampaikan antara Mac 2020 hingga Januari 2021. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini turut memanfaatkan teori analisis wacana kritis Fairclough (2013) dengan fokus pada dimensi ciri-ciri tekstual, khususnya aspek nahu modaliti. Sebanyak 361 penggunaan modaliti aspek telah dikenal pasti, merangkumi lima jenis iaitu 'akan', 'telah', 'masih', 'sedang', dan 'terus'. Hasil analisis menunjukkan modaliti 'akan' (41.00%) dan 'telah' (34.63%) paling banyak digunakan. Modaliti 'akan' digunakan untuk menggambarkan komitmen masa depan, penyusunan strategi dan janji kerajaan, manakala modaliti 'telah' menunjukkan pencapaian serta tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Modaliti 'masih', 'sedang', dan 'terus' pula menggambarkan keberlangsungan usaha dan tindakan kerajaan. Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan modaliti aspek dalam teks perutusan khas berfungsi sebagai strategi wacana yang dirancang untuk membina citra kepemimpinan, meredakan ketidakstabilan sosial, dan mengukuhkan hegemoni politik dalam situasi krisis. Dapatan ini memberikan implikasi penting terhadap kefahaman tentang peranan bahasa dalam pembentukan wacana kuasa dan ideologi dalam komunikasi kerajaan sewaktu krisis kesihatan global.

Kata kunci: *Modaliti aspek; Perintah Kawalan Pergerakan; teks perutusan khas; wabak Covid-19*

ABSTRACT

The outbreak of the Covid-19 pandemic prompted the Malaysian government to implement the Movement Control Order, officially announced through special speech texts delivered by the Prime Minister. In political discourse of this nature, language is not neutral; rather, it serves as a rhetorical tool to shape perception, mobilize collective emotions, and reinforce the legitimacy of power. Therefore, this study aims to identify the types of aspect markers used and explain their use in nine special speech texts delivered between March 2020 and January 2021. This study adopts both quantitative and qualitative approaches and is guided by Fairclough's (2013) critical discourse analysis framework, focusing particularly on the textual dimension, namely aspect markers. A total of 361 instances of aspect markers were identified, consisting of five types: 'akan', 'telah', 'masih', 'sedang', and 'terus'. The analysis revealed that 'akan' (41.00%) and 'telah' (34.63%) were the most frequently used. The use of 'akan' reflects future commitment, strategic planning, and government promises, while 'telah' conveys past achievements and actions taken. The aspect markers 'masih', 'sedang', and 'terus' signify the continuity of government efforts and initiatives. This study demonstrates that the use of aspect markers in special speech texts serves as a deliberate discursive strategy to construct an image of leadership, reduce social instability, and reinforce political hegemony in times of crisis. These findings offer significant insights into the role of language in shaping power and ideology within official government communication during a global health emergency.

Keywords: Aspect markers; Covid-19 pandemic; Movement Control Order; speech text

PENGENALAN

Wabak Covid-19 yang melanda dunia pada akhir tahun 2019 telah mengubah landskap kehidupan masyarakat. Di Malaysia, pendekatan utama kerajaan dalam usaha menangani pandemik ini melibatkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan secara rasmi melalui teks perutusan khas oleh Perdana Menteri. Teks perutusan ini bukan sekadar medium penyampaian maklumat, tetapi berperanan sebagai alat kuasa untuk mempengaruhi pemikiran, sikap dan tindakan masyarakat dalam usaha mendepani krisis kesihatan. Dalam konteks ini, bahasa yang digunakan bukan sahaja perlu dilihat sebagai satu bentuk penyampaian maklumat, tetapi sebagai wacana yang membentuk dan mencerminkan struktur kuasa, ideologi, serta hubungan antara pemerintah dengan rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa merupakan alat yang digunakan oleh pihak yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi dan mengawal pemikiran khalayak (Fairclough, 1995; van Dijk, 2006). Van Dijk (1993) turut menegaskan bahawa kuasa dalam wacana bukan sahaja terletak pada apa-apa yang dikatakan, tetapi pada cara sesuatu itu dikatakan, termasuklah dalam struktur ayat, pilihan kata, dan susun atur maklumat.

Antara elemen linguistik yang penting dalam pembentukan wacana tersebut termasuklah modaliti aspek seperti 'telah', 'sedang', 'akan', 'pernah' dan sebagainya. Modaliti aspek ini bukan sahaja membawa makna berasaskan masa, tetapi berperanan dalam pembinaan naratif tertentu yang mencerminkan usaha, kredibiliti dan perancangan kerajaan, sekali gus mewujudkan gambaran tertentu terhadap realiti sosial dan politik semasa. Dalam bahasa Melayu, modaliti aspek turut dikenali sebagai kata bantu aspek (Idris Aman, 2006). Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008) dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurul Afiah Mohamad (2021), modaliti aspek dalam bahasa Melayu menunjukkan status tindakan sama ada telah berlaku, sedang berlaku, atau bakal berlaku. Asmah Omar (2015) menyatakan bahawa modaliti aspek atau kata kerja modalitas dalam bahasa Melayu melibatkan makna yang merangkumi kesudahan, permulaan, dan keterlaksanaan sesuatu tindakan. Imran Ho Abdullah (1993) turut menegaskan bahawa modaliti aspek memberikan penanda kepada dimensi masa atau fasa sesuatu perkara.

Namun begitu, dalam konteks wacana, modaliti aspek bukan sahaja digunakan untuk merujuk perbuatan atau kejadian dalam lingkungan masa tertentu, malah modaliti aspek dapat membentuk pemikiran dan persepsi khalayak tentang sesuatu isu. Dalam hal ini, modaliti aspek boleh digunakan untuk mempengaruhi persepsi khalayak dengan cara menekankan tindakan yang telah dilakukan atau menjanjikan tindakan akan datang (Wodak & Meyer, 2015). Selain itu, Bloor dan Bloor (2013) menegaskan bahawa modaliti aspek digunakan secara strategik dalam wacana politik untuk seseorang mengelak daripada menjawab soalan secara terus atau menangguhkan janji. Dalam teks perutusan,

modaliti aspek juga digunakan untuk menunjukkan kesungguhan, kejayaan, atau kepemimpinan, walaupun tanpa bukti konkrit (Chilton, 2004). Misalnya, penggunaan modaliti ‘telah’ boleh dilihat sebagai usaha kerajaan untuk membina imej pencapaian dan legitimasi terhadap tindakan yang diambil. Modaliti ‘sedang’ pula menggambarkan keterlibatan aktif dan usaha yang berterusan, manakala modaliti ‘akan’ membawa konotasi janji, rancangan, dan komitmen terhadap masa depan.

Penggunaan modaliti aspek dalam teks keputusan khas yang disampaikan sewaktu krisis besar seperti penularan Covid-19 bukanlah bersifat neutral atau sekadar kebetulan linguistik semata-mata. Sebaliknya, penggunaan ini mencerminkan strategi linguistik yang dirancang dan dipilih secara sedar oleh pewacana bagi menyampaikan mesej yang meyakinkan, menggerakkan emosi, dan membina keyakinan dalam kalangan rakyat. Dalam hal ini, analisis tentang penggunaan modaliti aspek dalam teks keputusan khas boleh memberikan pemahaman tentang cara kerajaan menggunakan bahasa untuk membina naratif tentang kepemimpinan yang cekap, situasi yang terkawal, dan masa depan yang diyakini. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan meneliti dan menghuraikan rasional penggunaan modaliti aspek dalam teks keputusan khas Perintah Kawalan Pergerakan yang disampaikan oleh Perdana Menteri sewaktu penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Bahagian ini terbahagi kepada dua aspek perbincangan, iaitu kajian Covid-19 dan kajian modaliti dalam ruang lingkup linguistik. Pandemik Covid-19 telah mewujudkan kajian yang mendalam mengenai penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks, termasuklah komunikasi kesihatan awam, media sosial, teks keputusan khas, murid sekolah, perbahasan parlimen, laporan berita dan sebagainya. Kajian Mai dan Jocuns (2023) meneliti dua buah agensi berita, iaitu The New York Times (Amerika Syarikat) dan China Daily (China) membincangi laporan mengenai pandemik Covid-19 pada fasa awal penularannya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa The New York Times cenderung meletakkan China sebagai punca wabak Covid-19 menular dengan penggunaan metafora seperti “epicenter” dan “cover-up,” sekali gus memperkukuh naratif geopolitik Barat yang bersifat kritikal terhadap China. Sebaliknya, China Daily meletakkan penekanan terhadap usaha kerajaan China membendung wabak dan sering menampilkan naratif kolektif, patriotik, serta pujian terhadap kecekapan negara mereka.

Kajian ini menunjukkan wacana media bukan sahaja menyampaikan maklumat kesihatan, tetapi juga berfungsi sebagai instrumen ideologi dan pembentukan identiti nasional. Kajian Magaña et al. (2023) meneliti penggunaan metafora dalam liputan berita televisyen Amerika Syarikat (bahasa Inggeris) dan Mexico (bahasa Sepanyol). Antara metafora yang digunakan termasuklah metafora peperangan (“melawan virus”, “barisan hadapan”), metafora perjalanan (“menuju ke puncak gelombang”, “mengharungi krisis”), dan metafora bencana alam (“banjir pesakit”, “ribut pandemik”). Kajian ini menunjukkan bahawa metafora berupaya membentuk emosi, persepsi risiko, dan reaksi masyarakat. Kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022) membandingkan strategi retorik dalam dua buah teks keputusan khas Perintah Kawalan Pergerakan. Hasil kajian menunjukkan strategi ekspositori digunakan secara dominan untuk memberikan maklumat kepada pendengar dalam teks keputusan khas yang pertama, manakala strategi eksplanatori lebih banyak digunakan untuk meyakinkan pendengar tentang tindakan kerajaan dalam teks keputusan khas yang kedua.

Perbezaan penggunaan strategi retorik dalam teks keputusan khas pertama dan kedua mencerminkan situasi semasa penularan wabak Covid-19 yang berbeza pada waktu itu. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak meneliti cara strategi retorik yang digunakan mempengaruhi penerimaan dan pemahaman rakyat terhadap teks keputusan khas tersebut. Kajian Kakisina et al. (2022) meneliti cara Donald Trump (Amerika Syarikat) dan Jair Bolsonaro (Brazil) menggunakan strategi wacananya untuk memanipulasikan persepsi awam dan mengalihkan tanggungjawab mereka sepanjang fasa awal pandemik Covid-19. Penemuan menunjukkan bahawa kedua-dua orang pemimpin ini memanfaatkan strategi seperti penyongsangan naratif, pembinaan musuh bersama dan penggunaan bahasa yang meremehkan ancaman sebagai kaedah untuk mengekalkan kuasa politik dan mengalihkan perhatian rakyat daripada kelemahan pentadbiran mereka dalam usaha menangani krisis kesihatan.

Sebagai contoh, Trump sering menggunakan istilah seperti “Chinavirus” bagi mewujudkan naratif menyalahkan pihak luar, manakala Bolsonaro pula menggambarkan Covid-19 sebagai “mildflu” bagi meremehkan ancaman sebenar dan menolak pelaksanaan dasar kawalan ketat. Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam usaha menunjukkan cara bahasa dimanipulasikan sewaktu krisis. Namun begitu, analisis ini hanya tertumpu pada dua orang pemimpin dari konteks politik Amerika Latin dan Amerika Utara, tanpa mengambil kira variasi budaya, sistem politik, dan latar sosiolinguistik yang wujud di negara lain seperti di Asia, Afrika atau Timur Tengah. Kajian Boon-Itt dan Skunkan (2020) pula mengenal pasti topik utama yang dibincangkan pengguna Twitter menerusi data ciapan (Tweets) semasa tempoh awal penularan wabak Covid-19. Kajian ini mendapati bahawa wacana berkaitan dengan pandemik dipenuhi dengan emosi negatif seperti ketakutan, kekeliruan, dan kemarahan, terutamanya berkaitan dengan isu kekurangan peralatan kesihatan, ketidaktentuan dasar kerajaan, serta kadar kematian yang semakin meningkat.

Namun begitu, terdapat juga ciapan yang mempamerkan semangat solidariti, sokongan kepada petugas barisan hadapan, dan harapan terhadap penyelesaian pandemik. Kajian Boon-Itt dan Skunkan (2020) ini membuktikan bahawa Twitter merupakan medan penting untuk meneliti respons awam secara langsung pada masa nyata, dan media ini boleh dijadikan sumber maklumat untuk penggubalan dasar awam yang lebih responsif terhadap suara rakyat. Secara keseluruhan, kajian linguistik yang melibatkan wabak Covid-19 telah mendapat perhatian pengkaji terdahulu dengan fokus dan tujuan kajian yang berbeza-beza. Keadaan ini memberikan persepsi bahawa wabak Covid-19 perlu diselidiki daripada sudut linguistik dengan fokus atau tujuan yang pelbagai.

Bagi kajian modaliti, Makhloufi (2025) telah meneliti penggunaan modaliti aspek dan ragam dalam teks ucapan yang disampaikan oleh beberapa orang pemimpin terpilih di seluruh dunia. Antara ucapan pemimpin yang dipilih termasuklah Presiden Amerika Syarikat, iaitu Donald Trump, Perdana Menteri Ireland, iaitu Taoiseach Leo Varadkar, Perdana Menteri Australia, iaitu Scott Morrison, Presiden Nigeria, iaitu Muhammadu Buhari, Perdana Menteri Kanada, iaitu Justin Trudeau, Presiden Afrika Selatan, iaitu Cyril Ramaphosa, Perdana Menteri Britain, iaitu Boris Johnson, dan Perdana Menteri Singapura, iaitu Lee Hsien Loong. Kajian ini mendapati bahawa pemimpin dunia banyak menggunakan modaliti aspek “will” untuk menunjukkan tekad dan keinginan yang kuat dalam usaha mengatasi virus Covid-19. Pemimpin dunia juga banyak menggunakan modaliti ragam “must” dan “need” untuk menyeru rakyat mengambil tindakan membendung wabak Covid-19 dengan segeranya. Namun begitu, kajian ini tidak meneliti penggunaan modaliti aspek yang digunakan oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu.

Nurul Atiqah Nor Azman dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2024) menganalisis jenis modaliti ragam yang digunakan pengarang untuk menggambarkan sudut pandangan ketiga serba tahu dalam novel 7 Hari Mencintaiku. Nurul Atiqah Nor Azman dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2024) mendapati bahawa pengarang memanfaatkan dua jenis modaliti ragam, iaitu modaliti ragam dan modaliti ragam leksikal. Penggunaan kedua-dua jenis modaliti ini menggambarkan pengarang mampu mengakses pemikiran dan perasaan watak secara bebas pada bila-bila masa. Kajian ini lebih bersifat deskriptif. Dari perspektif analisis wacana kritis, sudut pandangan serba tahu yang digunakan pengarang sebenarnya berpotensi untuk mewakili ‘suara dominan’ yang menindas suara watak lain. Namun begitu, potensi ini tidak diteroka dalam kajian ini. Dalam analisis wacana kritis, penindasan simbolik melalui naratif ialah aspek penting dalam usaha mengkaji kuasa dalam teks.

Selanjutnya, Collins et al. (2021) menganalisis kesalahan penggunaan modaliti aspek 了 (Le) dalam bahasa Mandarin dalam kalangan murid Sekolah Tinggi Bahasa Harapan Bersama, dengan memberikan tumpuan kepada aspek tatabahasa dan sintaksis. Kajian ini juga melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kesalahan tersebut, seperti pengaruh bahasa ibunda, tahap penguasaan bahasa Mandarin, serta konteks komunikasi yang digunakan dalam perbualan harian. Melalui pendekatan analisis kesalahan, kajian ini menganalisis data yang dikumpulkan daripada ujian atau perbualan berstruktur yang melibatkan murid dalam pelbagai situasi komunikasi. Namun begitu, kajian ini hanya tertumpu pada satu jenis modaliti aspek, iaitu 了 (Le).

Pada hakikatnya, terdapat banyak lagi modaliti dalam bahasa Mandarin yang mungkin mempunyai pola kesalahan yang serupa atau berbeza, seperti 过 (Guo) atau 正在 (Zhèngzài). Kajian yang lebih mendalam tentang modaliti boleh memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang kesalahan pembelajaran dalam bahasa Mandarin.

Selain itu, Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022b) meneliti penggunaan modaliti ragam dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh kerajaan semasa penularan wabak Covid-19. Hasil kajian menunjukkan bahawa pewacana telah memanfaatkan dua jenis modaliti ragam, iaitu modaliti ragam perintah dan ragam informatif. Dominasi penggunaan modaliti ragam informatif 'boleh' telah menunjukkan pewacana cenderung membina hubungan yang mesra dengan pendengar apabila menyampaikan maklumat tentang wabak Covid-19. Dominasi penggunaan modaliti perintah 'mesti' pula menunjukkan pewacana ingin membentuk hubungan sosial yang tegas dengan pendengar apabila mengusulkan permintaannya bagi membendung penularan wabak Covid-19. Kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022) telah meneliti penggunaan modaliti dalam wacana politik yang melibatkan krisis kesihatan sedunia. Namun begitu, kajian ini hanya menyentuh penggunaan modaliti ragam, tanpa memberikan penekanan kepada modaliti yang lain, iaitu modaliti aspek.

Kajian Muhammad Faizul Abd Hamid et al. (2022) ini juga tidak membandingkan penggunaan modaliti dalam teks ucapan pemimpin negara lain sewaktu pandemik. Bukan itu sahaja, kajian ini tidak mengaitkannya dengan strategi wacana lain seperti lakuan pertuturan, intertekstualiti, deiksis persona, transitiviti dan sebagainya. Sebagai contoh, kajian oleh Harshita Aini Haroon et al. (2021) meneliti elemen interdiskursiviti dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan yang menunjukkan cara interdiskursiviti dijalankan untuk menyampaikan mesej kerajaan. Di samping itu, Dayang Sariah Abang Suhai et al. (2020) pula mengenal pasti dan menghuraikan penggunaan modaliti ragam yang digunakan oleh pihak kerajaan dan pembangkang dalam wacana perbahasan parlimen yang berkaitan dengan Belanjawan 2019. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan penggunaan modaliti ragam yang ketara antara kedua-dua belah pihak. Pihak pembangkang lebih banyak menggunakan modaliti informatif 'ingin' dan 'mahu', manakala pihak kerajaan lebih banyak memanfaatkan modaliti perintah 'harus'.

Perbezaan ini memberikan implikasi bahawa pemanfaatan modaliti ragam oleh pihak pembangkang bertujuan memaklumi khalayaknya, manakala pihak kerajaan ingin memerintah khalayaknya. Perbahasan Belanjawan 2019 berlaku dalam konteks perubahan politik selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (2018). Namun begitu, kajian ini tidak mengaitkan penggunaan modaliti dengan konteks sosiopolitik tersebut secara mendalam. Analisis yang mempertimbangkan faktor-faktor seperti perubahan kerajaan, kedinamikan politik semasa, dan persepsi masyarakat dapat memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang cara modaliti digunakan dalam wacana perbahasan parlimen.

Walaupun terdapat beberapa kajian lalu yang melibatkan novel, laporan media, ujian dan perbualan, perbahasan parlimen atau teks perutusan khas, fokus kajian yang diberikan dilihat berbeza mengikut tujuan kajian masing-masing seperti analisis wacana kritis, metafora, interdiskursiviti, sudut pandangan, modaliti, kesalahan tatabahasa serta sintaksis dan sebagainya. Menurut Synder (2019), fokus kajian yang berbeza dapat menemukan dapatan kajian yang pelbagai. Kepelbagaian dapatan kajian berupaya menambah kosa ilmu dalam penyelidikan. Dapatan kajian yang pelbagai juga mampu memperluas dan memperdalam pemahaman seseorang tentang bahasa, seterusnya menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang linguistik. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan mengenal pasti modaliti aspek yang digunakan dalam teks perutusan khas PKP dan menghuraikan rasional penggunaan modaliti aspek yang digunakan dalam teks perutusan khas berkenaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua pendekatan, iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk mengenal pasti kekerapan modaliti aspek dalam teks perutusan khas PKP. Kekerapan modaliti aspek dikira dengan formula pengiraan seperti yang berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Penggunaan Modaliti Aspek}}{\text{Jumlah Penggunaan Keseluruhan Modaliti Aspek}} \times 100$$

Contoh jumlah kekerapan penggunaan:

$$\frac{148 \text{ (Jumlah Penggunaan Modaliti Aspek 'akan')}}{361 \text{ (Jumlah Penggunaan Keseluruhan Modaliti Aspek)}} \times 100$$
$$= 41.00\%$$

Bagi pendekatan kualitatif, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Kaedah analisis kandungan teks digunakan untuk mentafsir dan menghuraikan penggunaan setiap jenis modaliti aspek dalam teks perutusan. Kajian ini menggunakan teori analisis wacana kritis oleh Fairclough (2013). Fairclough (2013) mengemukakan tiga dimensi utama dalam analisis, iaitu ciri-ciri tekstual, amalan wacana, dan amalan sosial. Walau bagaimanapun, bagi memenuhi objektif kajian ini, fokus analisis hanya diberikan kepada dimensi ciri-ciri tekstual. Menurut Fairclough (2013), dimensi ini merangkumi empat aspek utama, iaitu leksikalisasi, nahu, tautan, dan struktur teks. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada aspek nahu dengan penekanan terhadap modaliti aspek. Selain menggambarkan masa sesuatu tindakan atau peristiwa, Fairclough (2013) menyatakan bahawa modaliti aspek boleh membawa makna yang lebih mendalam. Modaliti aspek merupakan alat retorik dan ideologi yang digunakan oleh penutur, terutamanya dalam politik, media, atau iklan untuk membentuk persepsi tentang sesuatu tindakan atau peristiwa, menunjukkan keprihatinan, mewajarkan tindakan atau membina naratif kejayaan serta harapan.

Memandangkan kajian ini menggunakan data bahasa Melayu, maka pengelasan modaliti aspek oleh Asmah Omar (2015) akan diguna pakai. Terdapat sembilan jenis modaliti aspek yang diperkenalkan oleh Asmah Omar (2015), iaitu 'belum', 'pernah', 'telah', 'sudah', 'masih', 'sedang', 'terus', 'akan' dan 'baru'. Data yang dimanfaatkan dalam kajian ini ialah teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia Kelapan, iaitu Muhyiddin Mohd Yassin. Teks ini telah dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Pejabat Perdana Menteri – <https://www.pmo.gov.my/ucapan/>. Teks ini telah dikumpul dari bulan Mac 2020 hingga Februari 2021. Jadual 1 menunjukkan butiran penuh bagi sembilan teks perutusan khas PKP yang dijadikan data kajian.

Jadual 1: Butiran penuh teks perutusan khas PKP

No.	Tajuk	Tarikh Diterbitkan
1.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1	16 Mac 2020
2.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 2	25 Mac 2020
3.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3	10 April 2020
4.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4	23 April 2020
5.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	10 Mei 2020
6.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	07 Jun 2020
7.	Perutusan Khas: Perkembangan Terkini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	20 Julai 2020
8.	Perutusan Khas: Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	28 Ogos 2020
9.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0	11 Januari 2021

Semasa menganalisis data kajian, teks perutusan khas akan dilabel dengan sistem rujukan untuk merujuk jenis teks perutusan, perenggan, ayat dan modaliti aspek yang digunakan. Contoh sistem rujukan adalah seperti yang berikut:

T9. 39. (a) Virus ini **telah** pun berada di dalam komuniti dan hidup bersama kita.
 (b) Janganlah kita merasa terlalu selesa dan akhirnya mengabaikan langkah-langkah pencegahan yang begitu mudah untuk kita amalkan seperti kerap mencuci tangan dengan sabun, memakai pelitup muka dengan betul, jaga jarak fizikal dan elakkan dari bersentuhan.

Berdasarkan pengekodan di atas, label T9 merujuk teks perutusan kesembilan, iaitu Teks Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0. Nombor 39 pula merujuk perenggan ke-39. Abjad yang berada dalam kurungan seperti (a) dan (b) merujuk ayat pertama dan kedua. Perkataan yang ditebalkan merujuk jenis modaliti aspek yang digunakan. Tahap ketiga ialah perbincangan dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Tahap terakhir melibatkan rumusan dapatan kajian dan pernyataan implikasi kajian.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Jadual 2: Jumlah keseluruhan modaliti aspek dalam teks perutusan khas PKP

Teks Perutusan	akan	telah	masih	sedang	terus	Jumlah Keseluruhan
1	3 (0.83%)	12 (3.32%)	0 (0.00%)	1 (0.28%)	1 (0.28%)	17 (4.71%)
2	19 (5.26%)	19 (5.26%)	5 (1.39%)	3 (0.83%)	5 (1.39%)	51 (14.13%)
3	15 (4.16)	9 (2.49%)	3 (0.83%)	3 (0.83%)	3 (0.83%)	33 (9.14%)
4	23 (6.37%)	9 (2.49%)	6 (1.66%)	10 (2.77%)	4 (1.11%)	52 (14.40%)
5	17 (4.71%)	23 (6.37%)	6 (1.66%)	2 (0.55%)	2 (0.55%)	50 (13.85%)
6	27 (7.48%)	9 (2.49%)	3 (0.83%)	1 (0.28%)	1 (0.28%)	41 (11.36%)
7	7 (1.94%)	18 (4.99%)	4 (1.11%)	1 (0.28%)	1 (0.28%)	31 (8.59%)
8	13 (3.60%)	6 (1.66%)	10 (2.77%)	2 (0.55%)	3 (0.83%)	34 (9.42%)
9	24 (6.65%)	20 (5.54%)	2 (0.55%)	2 (0.55%)	4 (1.11%)	52 (14.40%)
Jumlah Keseluruhan	148 (41.00%)	125 (34.63%)	39 (10.80%)	25 (6.93%)	24 (6.65%)	361 (100%)

Berdasarkan Jadual 2, pewacana telah memanfaatkan modaliti aspek sebanyak 361 kali dalam teks perutusan khas PKP. Modaliti aspek yang dimanfaatkan terbahagi kepada lima jenis, iaitu modaliti aspek ‘akan’, ‘telah’, ‘masih’, ‘sedang’ dan ‘terus’. Berdasarkan perbandingan, modaliti aspek ‘akan’ menunjukkan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 148 kali (41.00%). Selain itu, modaliti aspek ‘telah’ merekodkan kekerapan penggunaan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 125 kali (34.63%). Modaliti aspek ‘masih’ pula mencatatkan kekerapan penggunaan sebanyak 39 kali (10.80%), iaitu penggunaan ketiga tertinggi. Modaliti aspek ‘sedang’ dan ‘terus’ menunjukkan kekerapan penggunaan sebanyak 25 (6.93%) dan 24 kali (6.65%). Huraian lanjut bagi penggunaan setiap jenis modaliti aspek adalah seperti yang berikut:

Modaliti Aspek ‘akan’

Modaliti aspek ‘akan’ merupakan modaliti yang paling banyak digunakan oleh pewacana dalam teks perutusannya. Modaliti aspek ini telah digunakan sebanyak 148 kali, iaitu bersamaan dengan 41.00%. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008), modaliti aspek ‘akan’ menandakan perbuatan atau peristiwa yang dijangka berlaku selepas waktu seseorang bertutur mengenainya.

Modaliti aspek ‘akan’ digunakan untuk merujuk keadaan yang tidak pernah terjadi sehingga saat perkara itu dilakukan (Haslina Haroon & Hasuria Che Omar, 2017). Ini bermakna, modaliti aspek ‘akan’ menunjukkan sesuatu perbuatan atau keadaan yang belum berlaku tetapi akan berlaku pada masa depan. Berdasarkan teks perutusan khas yang dikaji, modaliti aspek ‘akan’ digunakan untuk menggambarkan peristiwa yang bakal berlaku. Bukan itu sahaja, modaliti aspek ‘akan’ juga digunakan untuk menggambarkan komitmen pewacana, jentera pentadbiran dan rakyatnya dalam usaha menangani penularan wabak Covid-19. Data 1, 2, 3, 4 dan 5 di bawah menunjukkan contoh penggunaan modaliti aspek ‘akan’ dalam teks perutusan khas.

1. T6. 8. (a) Dalam tempoh PKPP ini juga, hampir semua aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan, perniagaan, sektor ekonomi dan sebagainya **akan** beroperasi semula secara berperingkat dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP. (b) Sepertimana yang telah diumumkan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan, perkhidmatan gunting rambut dan salun **akan** dibenarkan. (c) Pasar terbuka, pasar pagi, pasar malam, pasar tamu, bazaria, medan selera, pusat penjaja, food truck dan gerai makan juga **akan** dibenarkan.
2. T9. 45. (a) Selain itu, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan (KKM) juga telah meluluskan pendaftaran vaksin COVID-19 yang dihasilkan syarikat farmaseutikal, Pfizer. (b) Justeru, Malaysia dijangka **akan** menerima bekalan vaksin Pfizer untuk fasa pertama pada hujung Februari ini insya-Allah. (c) Sebagai persediaan awal bagi memastikan pengagihan vaksin COVID-19 kepada rakyat Negara ini berjalan lancar apabila bekalan diperolehi, KKM telah membangunkan Pelan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.
3. T1. 20. (a) Saya juga ingin memaklumkan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara **akan** bermesyuarat setiap hari untuk memantau dan mengawasi situasi wabak COVID-19. (b) Saya sendiri **akan** mempengerusikan mesyuarat ini dan memaklumkan kepada saudara dan saudari perkembangan situasi wabak COVID-19 dari semasa ke semasa.
4. T8. 8. (b) Buat masa ini keadaan adalah terkawal. (c) Namun, sekiranya berlaku peningkatan kes-kes jangkitan di lokaliti tertentu, kerajaan **akan** melaksanakan pendekatan secara bersasar seperti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersasar sepertiimana yang telah dilaksanakan di beberapa kawasan sebelum ini.
5. T4. 13. (b) Daripada ratusan kes baharu setiap hari di awal perintah kawalan pergerakan dilaksanakan, Alhamdulillah pada hari ini kita bersyukur kerana kes-kes baharu telah menurun kepada puluhan kes sahaja. (c) Insya-Allah, dengan usaha-usaha yang sedang giat dilakukan oleh para frontliners kita, dan disiplin anda semua mematuhi PKP, kita **akan** dapat mengurangkan lagi kes-kes baharu COVID-19 ke tahap yang paling minima, dan membendung sepenuhnya penularan wabak ini.

Pada data 1, modaliti aspek “**akan**” dalam ayat (a), (b) dan (c) menunjukkan keadaan yang bakal dialami oleh rakyat Malaysia sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan nanti. Dalam ayat (a), pewacana menyatakan bahawa kebanyakan aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan, perniagaan, sektor ekonomi dan sebagainya bakal beroperasi secara berfasa. Dalam ayat (b) pula, pewacana menyatakan, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan nanti, perkhidmatan gunting rambut dan salun akan dibenarkan beroperasi.

Pewacana turut mengatakan bahawa pembukaan pasar, bazaria, medan selera, pusat penjaja, *food truck* dan gerai makan bagi urusan jual beli turut diizinkan semasa perintah berkenaan dilaksanakan nanti dalam ayat (c).

Pada data 2 pula, modaliti aspek “**akan**” dalam ayat (a) menunjukkan peristiwa yang dijangka berlaku. Dalam ayat tersebut, pewacana menyatakan bahawa Malaysia bakal menerima bekalan vaksin bagi fasa pertama. Penggunaan “**akan**” menunjukkan penerimaan vaksin merupakan suatu kejadian yang diharapkan berlaku pada masa depan, khususnya pada hujung Februari, namun kejadian ini masih bersifat jangkaan dan bergantung pada beberapa faktor yang mungkin mempengaruhi kesahihannya. Dalam konteks ini, walaupun penggunaan “**akan**” menunjukkan keyakinan terhadap masa depan, penggunaan ini juga mengandungi kesedaran tentang segala perancangan tersebut bergantung pada keadaan yang boleh berubah, seperti situasi bekalan vaksin atau halangan lain yang mungkin timbul.

Di samping itu, data 3 menunjukkan penggunaan modaliti aspek “**akan**” yang menggambarkan komitmen masa depan pewacana dalam usaha mengekang wabak Covid-19. Komitmen ini boleh dibuktikan menerusi kehadiran kata ganti nama diri pertama tunggal “**saya**” sebelum modaliti aspek “**akan**” dalam ayat (b). Dalam ayat tersebut, pewacana menggunakan modaliti aspek “**akan**” untuk menyatakan bahawa beliau akan mengetuai mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara pada setiap hari untuk memantau perkembangan semasa penularan wabak Covid-19. Segala maklumat yang dibincangkan dalam mesyuarat ini pula akan disampaikan oleh beliau kepada rakyat dari masa ke masa. Pewacana turut memanfaatkan kata nama am “**kerajaan**” pada data 4 untuk menunjukkan komitmen yang bakal digalas oleh beliau dan jentera pentadbirannya.

Dalam ayat (c), kata nama am “**kerajaan**” dan modaliti aspek “**akan**” digunakan oleh pewacana untuk menyatakan bahawa kedua-dua jenis perintah kawalan bakal dilaksanakan oleh kerajaan beliau jika peningkatan kes jangkitan berlaku semula di tempat-tempat tertentu. Dalam konteks ayat ini, “**akan**” berfungsi menyatakan tindakan yang mempunyai prasyarat, iaitu hanya akan dilaksanakan jika syarat-syarat tertentu dipenuhi seperti peningkatan kes di kawasan tertentu. Penggunaan “**akan**” menunjukkan tindakan ini telah dirancang dan bersedia untuk dilaksanakan, tetapi masih tertakluk pada keadaan yang mungkin berlaku.

Data 5 pula menunjukkan penggunaan modaliti aspek “**akan**” dengan kata ganti nama diri pertama jamak “**kita**”. Dalam konteks teks perutusan ini, kata ganti nama diri pertama jamak ‘kita’ merujuk diri pewacana, kerajaannya serta rakyat Malaysia yang sedang mendengar ucapannya. Ini bermakna, gambaran komitmen yang dinyatakan oleh pewacana melibatkan ketiga-tiga pihak ini. Dalam ayat (c), pewacana menggunakan modaliti aspek “**akan**” untuk menyatakan bahawa diri beliau, kerajaan dan rakyatnya dapat mengurangkan kes baharu Covid-19 ke tahap yang paling minimum dan seterusnya menghentikan penyebaran wabak ini sepenuhnya kelak jika mereka mematuhi segala peraturan yang ditetapkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan.

Modaliti Aspek ‘telah’

Modaliti aspek ‘telah’ pula merupakan modaliti kedua tertinggi yang digunakan oleh pewacana dalam teks perutusannya. Modaliti ini digunakan sebanyak 125 kali, iaitu bersamaan dengan 34.63%. Menurut Mohd Ra’in Shaari (2009), penggunaan modaliti aspek ‘telah’ mengimplicasikan sesuatu perbuatan atau peristiwa berada dalam lingkungan masa lampau. Sebaliknya, Asmah Omar (2015) menegaskan bahawa modaliti aspek ‘telah’ menunjukkan perbuatan atau keadaan pada masa lampau tetapi perbuatan tersebut mungkin sudah selesai atau mungkin belum selesai.

Berdasarkan teks keputusan khas yang dikaji, modaliti aspek ‘telah’ digunakan untuk mencerminkan peristiwa yang sudah berlaku. Bukan itu sahaja, modaliti aspek ‘telah’ juga digunakan untuk mencerminkan tindakan yang telah dilakukan oleh pewacana, kerajaan dan rakyatnya bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Data 6, 7, 8, 9 dan 10 di bawah menunjukkan contoh penggunaan modaliti aspek ‘telah’ dalam teks keputusan khas.

6. T3. 11. (a) Berdasarkan situasi terkini, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan **telah** dapat membantu para petugas kesihatan kita mengawal penularan COVID-19 ke satu tahap yang agak stabil. (b) Menurut unjuran yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, PKP yang dilaksanakan dalam tempoh hampir sebulan yang lalu **telah** sedikit sebanyak mengurangkan kebolehhangkitan dan penularan COVID-19.
7. T2. 12. (a) Di negara kita, daripada kes pertama jangkitan COVID-19 dikesan, sehingga jam 12 tengahari ini jumlah kes positif **telah** meningkat kepada 1,796 kes, iaitu penambahan 172 kes baharu pada hari ini. (b) Tujuh hari yang lalu, jumlah keseluruhan kes COVID-19 ialah 673 kes. (c) Ini bermakna, kes positif COVID-19 **telah** meningkat lebih sekali ganda dalam tempoh hanya satu minggu.
8. T5. 18. (b) Saya **telah** berhubung dengan beberapa pemimpin negara luar dan dimaklumkan ujian-ujian klinikal sedang giat dilaksanakan untuk menghasilkan vaksin bagi virus ini. (c) Saya berharap vaksin dapat dihasilkan seberapa segera supaya kita boleh bebas daripada ancaman COVID-19 dengan secepat mungkin.
9. T8. 9. (b) Justeru, demi kepentingan saudara-saudari sekalian, kerajaan **telah** memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. (c) Dengan pelanjutan tempoh PKPP, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342 masih boleh diambil.
10. T2. 36. (a) Kita **telah** berikhtiar sedaya upaya kita untuk menangani krisis yang sedang kita hadapi ini. (b) Jangan kita lupa, penentu kejayaan kita ialah Tuhan Yang Maha Kuasa.

Pada data 6, penggunaan modaliti aspek “**telah**” dalam ayat (a) dan (b) menunjukkan tindakan atau keadaan yang sudah berlaku pada masa lalu, tetapi memberikan kesan yang relevan dan dirasakan pada masa ini. Dalam ayat (a), penggunaan “**telah**” menandakan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah dilaksanakan dan memberikan hasil yang positif, iaitu membantu mengawal penularan Covid-19 ke tahap yang lebih stabil. Dalam ayat (b), modaliti aspek “**telah**” menunjukkan pengurangan kebolehhangkitan dan penularan Covid-19 yang disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang sudah berlaku hampir sebulan, tetapi impaknya masih dapat dilihat dan diukur. Penggunaan “**telah**” dalam kedua-dua ayat ini menyatakan tindakan yang sudah diambil memberikan kesan yang nyata dan berterusan.

Data 7 turut menunjukkan contoh penggunaan modaliti aspek “**telah**” dalam ayat (a) dan (c) untuk menggambarkan peristiwa yang telah berlaku. Dalam ayat (a), penggunaan “**telah**” dalam frasa “**telah meningkat**” menandakan peningkatan jumlah kes positif Covid-19 merupakan kejadian yang telah berlaku sebelum waktu yang dinyatakan, iaitu jam 12.00 tengah hari dan kini memberikan gambaran terkini mengenai situasi tersebut. Penggunaan “**telah**” dalam frasa “**telah meningkat lebih sekali ganda**” memberikan penekanan bahawa peningkatan kes positif yang berlaku dalam tempoh satu minggu yang lalu sesuatu yang sudah terjadi, namun kesannya masih berterusan dan relevan dalam usaha menjelaskan perkembangan situasi semasa.

Di samping itu, data 8 menunjukkan penggunaan modaliti aspek “**telah**” yang menggambarkan komitmen lampau pewacana dalam usaha mengekang wabak Covid-19. Komitmen ini boleh ditemukan menerusi kehadiran kata ganti nama diri pertama tunggal “**saya**” sebelum modaliti aspek “**telah**” dalam ayat (b).

Dalam ayat tersebut, pewacana menggunakan modaliti aspek “**telah**” untuk menyatakan bahawa beliau sudah berhubung dengan beberapa orang pemimpin di luar negara. Beliau juga menyatakan bahawa beliau sudah dimaklumi pemimpin-pemimpin ini tentang pelaksanaan ujian klinikal dan penghasilan vaksin yang sedang aktif dijalankan.

Selain kata ganti nama diri pertama tunggal “**saya**”, pewacana turut memanfaatkan kata nama am “**kerajaan**” pada data 9 untuk menunjukkan komitmen lampau yang digalas oleh beliau dan jentera pentadbirannya. Dalam ayat (b), kata nama am “**kerajaan**” dan modaliti aspek “**telah**” digunakan oleh pewacana untuk menyatakan bahawa beliau dan jentera pentadbirannya sudah memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 demi menjaga kepentingan rakyat. Semasa pelanjutan tempoh perintah ini, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342 masih boleh dikenakan kepada rakyat yang melanggar peraturan.

Data 10 pula menunjukkan penggunaan modaliti aspek “**telah**” dengan kata ganti nama diri pertama jamak “**kita**” untuk mempamerkan komitmen lampau yang dilakukan oleh diri beliau, kerajaan dan rakyatnya. Dalam ayat (a), pewacana menggunakan modaliti aspek “**telah**” untuk menyatakan bahawa diri beliau, kerajaan dan rakyatnya sudah berusaha dengan bersungguh-sungguhnya untuk menyelesaikan isu yang sedang dialami. Namun begitu, pewacana menegaskan bahawa usaha yang sudah dilakukan tersebut tidak akan berjaya tanpa pertolongan daripada Allah SWT. Oleh hal yang demikian, pewacana menegah diri beliau, kerajaan dan rakyatnya agar tidak melupakan pertolongan yang diberikan oleh Tuhan.

Modaliti Aspek ‘masih’

Modaliti aspek ‘masih’ menunjukkan penggunaan ketiga tertinggi dalam teks perutusan khas yang dikaji. Modaliti ini digunakan sebanyak 39 kali, iaitu bersamaan dengan 10.80%. Modaliti ‘masih’ kebiasaannya dimanfaatkan untuk menggambarkan keadaan atau perbuatan yang sedang berlangsung dan belum selesai (Asmah Omar, 2015). Hal ini bermakna, kata bantu aspek ‘masih’ merujuk perbuatan atau kejadian yang belum tamat atau masih berterusan hingga kini. Berdasarkan teks perutusan khas yang dikaji, modaliti aspek ‘masih’ digunakan untuk mencerminkan peristiwa yang sedang berlaku sewaktu penyebaran wabak Covid-19 di Malaysia. Data 11, 12, dan 13 menunjukkan contoh penggunaan modaliti aspek ‘masih’ dalam teks perutusan khas.

11. T2. 15. (a) Namun, kita tidak boleh berpuas hati dengan langkah-langkah yang kita ambil pada masa ini sehinggalah kita berjaya mencatatkan sifar kes baharu. (b) Pada masa ini kes-kes baharu **masih** dicatatkan walaupun dalam tempoh beberapa hari yang lalu jumlahnya agak mendatar.
12. T3. 32. (a) Saya ingin tegaskan bahawa pembukaan beberapa sektor yang terhad ini bukan bermaksud kita melonggarkan perintah kawalan pergerakan. (b) Perintah ini **masih** berkuat kuasa dan semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa mestilah dipatuhi. (c) Jika terdapat pengusaha, kilang atau syarikat yang melanggar peraturan, kerajaan akan menarik balik kebenaran yang diberikan.

13. T4. 26. (b) Saya tidak menolak kemungkinan bahawa PKP akan dilanjutkan lagi selepas ini. (c) Ini bermakna, saudara saudari mungkin tidak boleh menyambut hari raya di kampung. (d) Saudara saudari **masih** tidak boleh bekerja, kecuali bagi mereka yang bekerja dalam sektor yang dibenarkan. (e) Perniagaan juga **masih** belum boleh dibuka sepenuhnya.

Pada data 11, penggunaan modaliti aspek “**masih**” dalam ayat (b) menunjukkan kesinambungan keadaan. Penggunaan “**masih**” memberikan isyarat fenomena kes baharu tidak lagi dalam keadaan yang berubah secara drastik, tetapi masih berterusan pada masa yang sedang dibincangkan. Walaupun jumlah kes tersebut agak mendatar dalam beberapa hari terakhir, situasi tersebut belum selesai dan tetap berlaku.

Oleh itu, penggunaan “**masih**” menekankan ketidakpastian mengenai masa depan dan keadaan ini masih berlanjutan walaupun terdapat sedikit penurunan atau kestabilan dalam jumlah kes. Dalam konteks ini, “**masih**” menggambarkan usaha untuk mengatasi masalah ini belum mencapai kejayaan sepenuhnya dan masalah tersebut berterusan pada masa ini.

Data 12 juga menunjukkan penggunaan modaliti aspek “**masih**” dalam ayat (b) untuk menggambarkan kejadian yang sedang berlaku. Penggunaan “**masih**” membawa maksud perintah kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa tidak dihentikan atau dilonggarkan walaupun terdapat beberapa sektor yang dibuka semula. Dalam erti kata lain, “**masih**” menandakan perintah tersebut terus berkuat kuasa tanpa sebarang penurunan atau pembatalan walaupun ada perubahan dalam aspek lain. Penggunaan “**masih**” juga menunjukkan bahawa kewajipan untuk mematuhi arahan daripada pihak berkuasa tetap sah dan tidak terjejas oleh pembukaan sektor-sektor tertentu. Dalam konteks ini, “**masih**” memperkuat mesej yang menyatakan keadaan tersebut tidak berubah dan memberikan jaminan bahawa peraturan tetap dipertahankan.

Pada data 13 pula, pewacana memanfaatkan modaliti aspek “**masih**” dalam ayat (d) dan (e) untuk menyatakan larangan yang masih berkuat kuasa pada ketika itu. Penggunaan “**masih**” menggambarkan situasi yang dibincangkan, iaitu larangan bekerja dan perniagaan yang belum dibuka pada masa ucapan tersebut disampaikan. Walaupun terdapat kemungkinan perubahan seperti yang dinyatakan dalam ayat (b) mengenai kemungkinan Perintah Kawalan Pergerakan dilanjutkan, penggunaan “**masih**” menegaskan bahawa keadaan tersebut tidak berubah pada masa ini. Dalam ayat (d), “**masih**” menunjukkan larangan bekerja masih kekal dan tidak ada kelonggaran, manakala dalam ayat (e), kata “**masih**” menandakan perniagaan tetap ditutup sepenuhnya. Penggunaan “**masih**” menekankan situasi tersebut berterusan walaupun ada beberapa kelonggaran dalam aspek lain.

Modaliti Aspek ‘sedang’

Selain modaliti aspek ‘akan’, ‘telah’ dan ‘masih’, pewacana turut menggunakan modaliti aspek ‘sedang’ dalam teks perutusannya. Modaliti aspek ini digunakan sebanyak 25 kali, iaitu bersamaan dengan 6.93%. Menurut Idris Aman (2006), modaliti aspek ‘sedang’ menunjukkan kejadian atau perbuatan yang sedang berjalan atau berlaku sewaktu disebut. Ini bermakna, kata modaliti aspek ‘sedang’ melambangkan peristiwa atau tingkah laku yang sedang berlangsung ketika pertuturan berlaku. Jika diteliti, terdapat perbezaan antara modaliti aspek ‘masih’ dengan ‘sedang’ kerana Asmah Omar (2015) menyatakan bahawa modaliti aspek ‘masih’ membawa makna keadaan atau tindakan yang belum selesai dan berterusan hingga waktu pertuturan. Secara jelas, modaliti aspek ‘masih’ menunjukkan perbuatan yang belum tamat atau masih berlangsung sejak dahulu hingga sekarang. Modaliti ini menekankan keberlangsungan dalam masa. Modaliti aspek ‘sedang’ pula merujuk tindakan yang sedang berlaku pada saat pertuturan. Modaliti ini mementingkan kekinian secara langsung. Berdasarkan teks peraturan khas yang dikaji, modaliti aspek ‘sedang’ digunakan untuk mencerminkan peristiwa yang sedang berlaku.

Bukan itu sahaja, modaliti aspek ‘sedang’ juga digunakan untuk mencerminkan tindakan yang sedang diusahakan oleh pewacana dan kerajaannya untuk menghentikan penularan wabak Covid-19. Data 14, 15, 16 dan 17 di bawah menunjukkan contoh penggunaan modaliti aspek ‘sedang’ dalam teks perutusan khas.

14. T6. 4. (a) Kita bersyukur kerana tindakan pantas para petugas barisan hadapan telah berjaya membendung penularan COVID-19 dalam kalangan tahanan di depot imigren dan keadaan pada masa ini adalah terkawal. (b) Pada masa yang sama, kapasiti perubatan dan kesihatan awam negara kita juga berada pada tahap yang lebih baik dan meyakinkan. (c) Ini menunjukkan Malaysia telah berjaya membendung penularan COVID-19 dengan berkesan dan kini **sedang** memasuki fasa pemulihan.
15. T4. 28. (a) Dengan kemungkinan pelanjutan tempoh PKP, kerajaan **sedang** mengkaji kaedah untuk memulihkan ekonomi, atau revive the economy, secara bertahap. (b) Ini termasuk merangka Pelan Pemulihan Ekonomi jangka pendek dan sederhana bagi memastikan aktiviti ekonomi dapat dibangkitkan semula dengan pantas selepas tempoh PKP berakhir.
16. T2. 28. (a) InsyaAllah, pada hari Jumaat nanti saya akan umumkan satu pakej rangsangan ekonomi prihatin rakyat yang lebih menyeluruh. (b) Pegawai-pegawai saya di Kementerian Kewangan **sedang** bekerja bertungkus lumus menyediakan satu pakej rangsangan ekonomi yang akan memberikan manfaat kepada semua.
17. T8. 13. (a) Memandangkan pelitup muka adalah satu barangan keperluan yang saudara saudara gunakan hampir setiap masa, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna **sedang** berunding dengan pihak pengilang dan pembekal untuk menurunkan harga pelitup muka. (b) Insya-Allah, jika rundingan ini berhasil, harga pelitup muka akan lebih berpatutan dan ini akan meringankan sedikit beban saudara saudara sekalian.

Pada data 14, pewacana menggunakan modaliti aspek “**sedang**” dalam ayat (c), iaitu pada klausa “**kini sedang memasuki fasa pemulihan**”. Penggunaan modaliti aspek ini memainkan peranan penting dalam usaha menggambarkan status semasa negara ketika menangani pandemik Covid-19, iaitu berada dalam proses atau peringkat peralihan ke arah pemulihan. Modaliti aspek “**sedang**” digunakan untuk menandakan sesuatu perbuatan atau proses yang sedang berlangsung pada masa ucapan dibuat, dan belum selesai atau mencapai titik akhir. Dalam konteks ini, klausa “**Malaysia kini sedang memasuki fasa pemulihan**” membawa maksud negara telah mula beralih kepada keadaan yang lebih baik, tetapi proses itu masih dalam perjalanan dan memerlukan pemantauan serta tindakan berterusan.

Pada data 15, pewacana menggunakan modaliti aspek “**sedang**” dalam ayat (a) melalui klausa “**kerajaan sedang mengkaji kaedah untuk memulihkan ekonomi**”. Penggunaan modaliti aspek ini memperlihatkan tindakan kerajaan bukanlah sesuatu yang akan dilakukan pada masa depan semata-mata, tetapi telah pun dimulakan dan sedang berlangsung ketika ucapan tersebut disampaikan. Modaliti aspek “**sedang**” digunakan untuk menandakan proses pengkajian tersebut berada dalam fasa pelaksanaan aktif, sekali gus menggambarkan komitmen serta keprihatinan segera kerajaan dalam usaha menangani kesan ekonomi akibat pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan.

Pada data 16, pewacana menggunakan modaliti aspek “**sedang**” dalam ayat (b) menerusi klausa “**pegawai-pegawai saya di Kementerian Kewangan sedang bekerja bertungkus lumus menyediakan satu pakej rangsangan ekonomi**”. Penggunaan kata bantu aspek ini berfungsi untuk menggambarkan proses pelaksanaan yang sedang berlangsung pada waktu ucapan berkenaan disampaikan. Dengan menyatakan pegawai “**sedang bekerja bertungkus lumus**”, pewacana sebenarnya menyampaikan mesej bahawa kerajaan menyedari keperluan mendesak rakyat, dan berusaha keras tanpa bertangguh demi menyediakan bantuan ekonomi yang menyeluruh. Frasa “**bertungkus lumus**” selepas “**sedang**” menambahkan nuansa intensiti kerja keras yang memperkuat makna progresif kata bantu aspek tersebut.

Pada data 17, modaliti aspek “**sedang**” digunakan dalam ayat (a) menerusi klausa “**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang berunding dengan pihak pengilang dan pembekal**”. Penggunaan kata bantu aspek ini menunjukkan proses rundingan sedang berlangsung ketika ucapan tersebut disampaikan dan kerajaan sedang mengambil tindakan aktif bagi menangani isu harga pelitup muka. Ayat (b) memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan makna yang lebih kukuh ini apabila pewacana menyatakan “**jika rundingan ini berhasil**”. Kenyataan ini menunjukkan bahawa tindakan yang sedang berlaku kini merupakan langkah penting ke arah matlamat jangka pendek, iaitu penurunan harga pelitup muka.

Modaliti Aspek ‘terus’

Penelitian terhadap teks perutusan khas turut mendapati pewacana memanfaatkan modaliti aspek ‘terus’. Modaliti ini dimanfaatkan sebanyak 24 kali dalam teks perutusan, iaitu bersamaan dengan 6.65%. Jika dibandingkan dengan modaliti aspek ‘masih’ dan ‘sedang’, Idris Aman (2008) menyatakan bahawa modaliti aspek ‘terus’ menunjukkan aspek kelangsungan yang tidak terganggu. Modaliti aspek ‘terus’ berfungsi untuk menyatakan tindakan atau peristiwa yang berpanjangan. Ini bermakna, modaliti aspek ‘terus’ menggambarkan sesuatu perbuatan atau peristiwa yang berlangsung tanpa henti atau tidak terputus. Menurut Mohd. Rashid Md. Idris (2020) lagi, modaliti aspek ‘terus’ mempunyai nada atau intensiti yang lebih tinggi berbanding dengan modaliti ‘masih’ dan ‘sedang’ yang berintensiti neutral serta sederhana. Berdasarkan teks perutusan khas yang dikaji, penggunaan modaliti aspek ‘terus’ bertujuan mempamerkan usaha berpanjangan yang dilakukan oleh pewacana, kerajaan dan rakyatnya untuk menghalang penularan wabak Covid-19. Data 18, 19 dan 20 di bawah menunjukkan contoh penggunaan modaliti aspek ‘terus’ dalam teks perutusan khas.

18. T5. 19. (a) Walaupun kita telah mencapai banyak perkembangan positif dalam usaha memerangi wabak COVID-19, usaha kita masih belum berjaya sepenuhnya. (b) Langkah-langkah masih perlu diambil untuk memerangi wabak ini. (c) Dari segi pandangan umum juga saya dapati rata-rata rakyat mahukan supaya kerajaan **terus** mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memerangi wabak ini.
19. T6. 21. (a) Jika saudara dan saudari semua **terus** berdisiplin dan beristiqamah, saya percaya insyaAllah penularan wabak ini akan kekal terkawal dan kita akan memasuki fasa normalisasi selepas 31 Ogos 2020 sehinggalah vaksin untuk virus COVID-19 ditemui. (b) Namun, saya ingin mengingatkan sekiranya berlaku peningkatan mendadak kes positif COVID19 dalam tempoh ini, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan atau PKPD di kawasan atau lokaliti yang berkenaan.

20. T7. 25. (a) Memandangkan kes-kes positif COVID-19 banyak berlaku dalam kalangan mereka yang pulang atau tiba dari luar negara, Kementerian Kesihatan Malaysia **terus** memperkukuhkan kawalan di pintu masuk antarabangsa negara. (b) Antara langkah yang diambil ialah melakukan saringan suhu badan dan gejala jangkitan saluran pernafasan semasa ketibaan dan menyemak keputusan saringan PCR COVID-19 yang dilakukan tiga hari sebelum pelawat berlepas ke Malaysia.

Pada data 18, pewacana menggunakan modaliti aspek “**terus**” dalam klausa “**kerajaan terus mengambil langkah-langkah yang wajar**”. Penggunaan kata bantu aspek dalam ayat (c) ini memperkukuh mesej yang menunjukkan tindakan kerajaan tidak seharusnya terhenti, bahkan perlu dilaksanakan secara konsisten seperti yang diharapkan oleh rakyat.

Di sini, pewacana bukan sahaja menyatakan pendapat peribadi, malah mengaitkan harapan rakyat sebagai legitimasi kepada tindakan kerajaan. Modaliti aspek “**terus**” memberikan gambaran bahawa langkah-langkah tersebut bersifat berpanjangan dan tidak terputus walaupun dalam keadaan yang mencabar.

Pada data 19, pewacana menggunakan modaliti aspek “**terus**” dalam ayat (a) bagi menyatakan keyakinannya terhadap kesinambungan sikap positif rakyat, khususnya dari segi disiplin dan istiqamah dalam usaha mematuhi langkah-langkah pencegahan. Modaliti aspek “**terus**” dalam klausa “**jika saudara dan saudari semua terus berdisiplin dan beristiqamah**” memperlihatkan penekanan terhadap kelangsungan usaha dan komitmen rakyat tanpa gangguan atau kelalaian. Pewacana menyandarkan harapan terhadap sikap berterusan ini sebagai prasyarat utama untuk memastikan penularan wabak kekal terkawal serta membolehkan negara memasuki fasa normalisasi selepas tarikh yang dinyatakan, iaitu 31 Ogos 2020.

Pada data 20, pewacana menggunakan modaliti aspek “**terus**” dalam ayat (a) untuk menggambarkan kesinambungan tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha menangani isu penularan COVID-19 dalam kalangan individu yang pulang atau tiba dari luar negara. Frasa “**KKM terus memperkukuhkan kawalan**” menunjukkan usaha tersebut bukan sahaja telah bermula sebelum ini, tetapi diteruskan secara konsisten. Penggunaan kata bantu aspek “**terus**” membawa maksud kawalan di pintu masuk antarabangsa tidak dilakukan secara berkala atau bermusim, sebaliknya dilaksanakan secara berterusan tanpa sebarang kelonggaran, selagi risiko kemasukan kes import masih wujud.

Secara keseluruhan, pewacana telah memanfaatkan lima jenis modaliti aspek, namun penggunaan modaliti ‘akan’ dan ‘telah’ menunjukkan kekerapan penggunaan yang ketara. Kekerapan ini menunjukkan penggunaan modaliti ini sangat signifikan dan bertepatan dengan situasi yang sedang dialami oleh negara. Penggunaan modaliti ‘akan’ dan ‘telah’ dalam teks perutusan khas bukan sahaja berperanan sebagai penanda masa, tetapi sebagai alat untuk mengurus emosi, membina kuasa, dan menyampaikan mesej tersirat. Dalam konteks Covid-19, modaliti ini menjadi mekanisme untuk menyusun semula realiti masyarakat yang bergolak dengan serangan Covid-19 dan sekali gus memberikan harapan kepada masyarakat tentang kestabilan yang akan dicapai.

Dalam konteks pengurusan krisis, modaliti ‘akan’ merujuk tindakan yang dirancang atau bakal dilaksanakan oleh kerajaan. Modaliti ini juga berfungsi sebagai alat perancangan serta penyataan niat. Kekerapan penggunaan modaliti “**akan**” dalam teks perutusan seperti dalam klausa “**kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya**” atau “**bantuan akan disalurkan**” menunjukkan kerajaan sedang menstrukturkan wacana masa depan agar masyarakat memahami bahawa tindakan-tindakan yang bersifat penyelesaian telah pun dirancang dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Dapatan ini sama dengan hasil kajian Makhloufi (2025) yang mendapati penggunaan ‘will’ (‘akan’) menunjukkan kerajaan atau pemimpin negara sedaya upaya melakukan pelbagai usaha untuk melindungi rakyat daripada Covid-19. Hal ini turut sejajar dengan pandangan Fairclough (1992) yang menyatakan bahawa modaliti digunakan dalam wacana untuk menunjukkan tahap komitmen penutur terhadap sesuatu kenyataan. Dalam hal ini, kerajaan menampilkan dirinya sebagai aktor yang proaktif, berkuasa, dan bertanggungjawab.

Penggunaan modaliti ‘akan’ turut memberikan kesan menenangkan (*soothing effect*) kerana modaliti ini mencipta gambaran masa depan yang terkawal dan menjanjikan penyelesaian. Halliday dan Matthiessen (2014) menyatakan bahawa modaliti masa depan seperti ‘akan’ berfungsi sebagai alat linguistik untuk menyatakan niat dan rancangan. Dalam konteks krisis, modaliti masa depan ini juga berfungsi membina harapan dan mengurangkan ketidakpastian (Halliday & Matthiessen, 2014). Oleh itu, dalam konteks pandemik Covid-19 di Malaysia, penggunaan modaliti “**akan**” dalam klausa “**kerajaan akan menyediakan bantuan**” atau “**sekolah akan dibuka semula**” menjadi bentuk jaminan yang mampu mencetuskan rasa tenang dan yakin dalam kalangan masyarakat.

Modaliti aspek ‘telah’ pula digunakan untuk merujuk tindakan yang sudah dilaksanakan, dan berperanan sebagai alat untuk memperkukuh kredibiliti serta kecekapan pentadbiran. Contohnya, penggunaan “**telah**” dalam klausa “**kerajaan telah menyalurkan bantuan kewangan**” dan “**PKP telah dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020**” menunjukkan kerajaan telah bertindak secara efektif. Jika diteliti, modaliti yang digunakan dalam klausa ini boleh ditafsirkan sebagai strategi diskursif untuk mengawal persepsi masyarakat tentang tindakan kerajaan. Van Dijk (2001) menyatakan bahawa wacana politik sering dimanipulasi untuk mempersembahkan imej yang positif terhadap diri sendiri (*positive selfrepresentation*) dan imej negatif terhadap pihak lawan. Dalam hal ini, pewacana membina imej sebagai pelindung dan penyelesaian masalah, manakala krisis Covid-19 diposisikan sebagai ancaman luar yang perlu ditangani secara kolektif.

Penggunaan modaliti ‘telah’ turut memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan kelegaan dan meningkatkan kepercayaan. Dengan menekankan tindakan yang sudah berlaku seperti dalam klausa “**kerajaan telah menyalurkan bantuan**” dan “**kerajaan telah mengambil langkah awal**”, pewacana sebenarnya telah memperkukuh tanggapan bahawa krisis sedang dikendalikan dengan berkesannya. Hal ini bertepatan dengan pandangan Van Leeuwen (2008) yang menegaskan bahawa justifikasi masa lampau dalam wacana berfungsi membina kredibiliti pihak berkuasa dan seterusnya mempengaruhi psikologi masyarakat dalam usaha menilai keabsahan tindakan pemerintah. Dalam hal ini, tindakan masa lalu digunakan sebagai justifikasi kepada keperluan masyarakat untuk terus memberikan kepercayaan kepada pemerintah.

Kajian oleh Reisigl & Wodak (2009) menunjukkan bahawa strategi wacana yang menekankan masa lalu dan masa depan penting untuk membina kepercayaan dan kestabilan emosi masyarakat dalam situasi pandemik. Tanpa strategi linguistik ini, masyarakat lebih mudah berasa cemas, terdedah kepada spekulasi negatif, dan cenderung bertindak di luar kawalan seperti pembelian panik (*panic buying*) atau penolakan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan. Sehubungan dengan itu, modaliti ‘akan’ dan ‘telah’ memainkan peranan besar dalam usaha membina komunikasi yang diyakini dan diterima masyarakat secara menyeluruh.

Secara jelas, penggunaan modaliti ‘akan’ dan ‘telah’ dalam teks peraturan khas ini bukan sahaja membina makna tekstual yang berkaitan dengan perancangan dan pencapaian semasa penularan wabak Covid-19, tetapi juga mempunyai peranan penting dalam usaha menyusun semula keseimbangan psikologi masyarakat. Penggunaan modaliti ‘akan’ dan ‘telah’ turut membentuk perasaan masyarakat bahawa negara ini sedang dipimpin, dijaga, dan dipulihkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, penggunaan modaliti aspek dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan bukan semata-mata untuk menyampaikan maklumat, tetapi untuk membentuk struktur kuasa, melegitimasi tindakan pemerintah, dan menetapkan peranan masyarakat dalam naratif nasional. Seperti yang ditegaskan oleh Wodak (2001), wacana politik bukan sahaja menjelaskan dasar, tetapi juga mengatur cara individu dan kumpulan sosial melihat diri mereka dalam struktur sosial yang lebih besar.

Dalam hal ini, modaliti ‘akan’ dan ‘telah’ memperkuat stratifikasi sosial kerajaan sebagai subjek yang dominan (agen tindakan), manakala masyarakat sebagai objek yang harus menurut dan menerima arahan. Implikasinya, wacana perutusan khas ini menjadi alat ideologi yang mengukuhkan hegemoni politik semasa krisis kesihatan global.

Sehubungan dengan itu, penggunaan modaliti aspek dalam teks perutusan khas tidak boleh dilihat secara neutral atau teknikal semata-mata, sebaliknya harus difahami sebagai alat retorik dan ideologi yang mencerminkan hubungan kuasa antara kerajaan dengan masyarakat.

Dalam konteks pandemik, strategi ini berjaya mengawal naratif dan emosi rakyat, serta menstrukturkan pemikiran mereka agar kekal bergantung pada arahan serta perlindungan daripada pihak berkuasa. Secara ringkasnya, penggunaan modaliti aspek ‘akan’ dan ‘telah’ dalam teks perutusan khas yang disampaikan oleh kerajaan Malaysia semasa Perintah Kawalan Pergerakan bukan hanya berfungsi sebagai penanda linguistik, tetapi sebagai manifestasi kuasa dalam wacana politik kontemporari.

PENGHARGAAN

Terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Rozita Che Rodi dan Prof. Madya Datin Dr. Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi kerana telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan semasa kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- Asmah Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi Kelima). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloor, M., & Bloor, T. (2013). *A practice of critical discourse analysis: An introduction*. Routledge.
- Boon-Itt, S., & Skunkan, Y. (2020). Public Perception of the Covid-19 pandemic on Twitter: Sentiment analysis and topic modeling study. *JMIR Public Health Surveill*, 6(4), e21978.
- Chilton, P. (2004). *Analysing political discourse: Theory and practice*. Routledge.
- Collins, J., Saputra, R., & Wijaya, R. (2021). Analisis kesalahan penggunaan kata bantu aspek 了 (le) Bahasa Mandari dalam kalangan mahasiswa Sekolah Tinggi Bahasa Harapan Bersama. *Jurnal Cakrawala Mandarin*, 5(2), 67–83.
- Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati A. Bakar, & Norsimah Mat Awal. (2020). Modaliti dalam wacana perbahasan parlimen. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(4), 186-208.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Longman.
- Fairclough, N. (2013). *Critical discourse analysis: The critical study of language* (Second Edition). Routledge.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, & Nurul Afiqah Mohamad. (2021). Analisis kata kerja bantu dalam dialek Melayu Terengganu menggunakan program minimalis. *Jurnal Linguistik*, 25 (2), 1-19.
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. M. (2014). *Halliday's Introduction to Functional Grammar (Fourth Edition)*. Routledge.
- Harshita Aini Haroon, Zaliza Zubir, Noor Asliza Abdul Rahim, & Noriha Basir. (2021). Interdiskursiviti dalam perutusan arahan kerajaan berkaitan Covid-19. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(4), 38-63.
- Haslina Haroon, & Hasuria Che Omar. (2017). Kata bantu ragam dalam terjemahan Inggeris-Melayu. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 191-212.
- Idris Aman. (2008). Bahasa dan kuasa: Analisis wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-11. *Akademika*, 72(1), 69-96.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan: Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imran Ho Abdullah. (1993). The semantics of the modalauxiliaries of Malay. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kakisina, P. A., Indhiarti, T. R., & Al Fajri, M. S. (2022). Discursive strategies of manipulation in COVID-19 political discourse: The case of Donald Trump and Jair Bolsonaro. *SAGEOpen*, 12(1). <https://doi.org/10.1177/21582440221079884>
- Magaña, D., Durazo, A., Ramos, L., & Matlock, T. (2023). An analysis of metaphor in COVID-19 TV news in English and Spanish. *Journal of Communication in Healthcare*, 17(3), 254-264. <https://doi.org/10.1080/17538068.2023.2255417>
- Mai, Y., & Jocums, A. (2023). Critical discourse analysis of news reports on Covid-19 from The New York Times and China Daily. *MANUSYA: Journal of Humanities*, 26, 1-28.
- Makhloufi, I. B. M. (2025). A critical discourse analysis of modality in Covid-19 speech a systemic functional grammar perspective. *Jordanian Educational Journal*, 10(1), 331-353. <https://doi.org/10.46515/jaes.v10i1.1332>
- Mohd Ra'inShaari. (2009). Kata bantu bahasa Melayu: Analisis data korpus berkomputer. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi, & Adlina Ab. Halim. (2022a). Strategi retorik dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak Covid-19 di Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 26(2), 38-51.
- Muhammad Faizul Abd Hamid, Mohd Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi, & Adlina Ab. Halim. (2022b). Modaliti dalam teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak Covid-19 di Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 30(4), 1635-1656.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nurul Atiqah Nor Azman, & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2024). Sudut pandangan dalam 7 Hari Mencintaiku: Analisis stilistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 12(3), 69-82.
- Pejabat Perdana Menteri (PMO). (2025). Diakses pada 20 Januari 2025 dari <https://www.pmo.gov.my/ucapan/>
- Reisigl, M., & Wodak, R. (2009). *Discourse and discrimination: Rhetorics of racism and antisemitism* (Second Edition). Routledge.
- Synder, H. (2019). Literature reviews as a research strategy: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104, 333-339.
- Van Dijk, T. A. (1993). Principles of critical discourse analysis. *Discourse & Society*, 4(2), 249-283.
- Van Dijk, T. A. (2001). Critical discourse analysis. In D. Tannen, D. Schiffrin, & H. Hamilton (Eds.), *The Handbook of Discourse Analysis* (pp. 352-371). Blackwell.
- Van Dijk, T. A. (2006). Discourse and manipulation. *Discourse & Society*, 17(3), 359-383.
- Van Leeuwen, T. (2008). *Discourse and practice: New tools for critical discourse analysis*. Oxford University Press.
- Wodak, R. (2001). The discourse-historical approach. In R. Wodak & M. Meyer (Eds.), *Methods of Critical Discourse Analysis* (pp. 63-94). SAGE.
- Wodak, R., & Meyer, M. (2015). *Methods of critical discourse studies* (Third Edition). SAGE.